



Headline	Bapa jadi pendorong kecemerlangan Amira Nabila		
MediaTitle	Utusan Online(www.utusan.com.my)		
Date	29 Jun 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	1	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,900

Bapa jadi pendorong kecemerlangan Amira Nabila

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9178139533&z=1650248895](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9178139533&z=1650248895)

- Anak seorang pensyarah, Amira Nabila Raduwan, 22, dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pengarah Politeknik atas kecemerlangannya dalam akademik dan ko-kurikulum pada Majlis Konvokesyen ke-12 Politeknik Merlimau di sini hari ini. Graduan Diploma Senibina yang berasal dari Klang, Selangor itu memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 3.68 dan berjaya memperoleh Anugerah Ketua Jabatan pada setiap semester sepanjang pengajiannya di politeknik itu. Menurutnya, sikap sukakan cabaran serta tidak kenal erti putus asa dengan menjadikan ayahnya, Pensyarah Universiti Kuala Lumpur, Dr. Raduwan Idar, 56, sebagai pendorong untuknya menempa kejayaan. "Syukur dengan anugerah yang diterima, dalam ramai-ramai pelajar, tak sangka saya yang terpilih, memang tak dapat diungkap perasaan yang saya rasakan ketika ini. "Memberi tumpuan sepenuhnya di dalam kelas, duduk dibahagian depan ketika belajar selain niat belajar kerana Allah adalah petua kejayaan yang boleh saya kongsi. "Kejayaan ini juga saya hadiahkan kepada ibu, Norhazian Yusof, 56, yang menyambut hari lahir semalam dan juga ayah saya yang turut meraikan hari lahirnya pada 22 Jun lalu," katanya ketika ditemui selepas majlis konvokesyen itu. Pada majlis konvokesyen yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob itu, seramai 1,054 graduan menerima diploma masing-masing menjadikan angka keseluruhan graduan yang dilahirkan oleh politeknik itu sejak 11 tahun lalu seramai 13,232 orang. Turut hadir, Ketua Menteri Melaka, Datuk Idris Haron dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar.